

TOKKU PALOH : ULAMA SUFI PENASIHAT SULTAN

“Terengganu ini ada tuannya. **Sila berunding dengan tuannya!**(Tokku Paloh)” ; titah Sultan kepada wakil British W.L Conlay....

Tukku Paloh atau nama sebenarnya **Sayid Abdul Rahman bin Muhammad Al Idrus** adalah ulama kerohanian yang berkecimpung dalam bidang pentadbiran dan diplomatik di Terengganu. Beliau hidup dalam zaman pemerintahan **lapan orang sultan** silih berganti, paling lama dan paling kuat pengaruh beliau ialah semasa pemerintahan Sultan Zainal Abidin III, Sultan Terengganu ke-11.

Kerana kewibawaannya, beliau diberi mandat oleh Sultan mentadbir kawasan Paloh dan mengawasi kawasan Hulu Terengganu. Beliau juga diterima sebagai **penasihat pertama dan utama** kepada sultan dalam berbagai persoalan. Beliau **tegas dan pintar** dalam bidang **diplomatik** dan sering diberi peluang mewakili sultan berunding dengan pihak British sehingga pada zaman itu **British gagal menjajah Terengganu**. Tukku Paloh terkenal sebagai seorang **wali Allah** yang mempunyai **berbagai karamah** dan sentiasa mendapat bantuan Allah swt khususnya sewaktu mengendalikan urusan rakyat. Tukku Paloh adalah **khalifah Tareqat Naqsyabandiah**, dan beliau turut mengamal dan mengembang luaskan ‘Syahadat Tukku’ satu amalan yang disusun oleh ayahnya Tukku Tuan Besar.

Kerusi yg melekat seketika pada punggung penjajah!

“Kalau untuk mencampuri urusan pentadbiran kami, saya menolak walau atas alasan apa sekalipun,” kata Tukku Paloh. “Tetapi kalau nak tanah, silakan. **Isilah ke dalam armada tuan** sebanyak mana pihak British mahu... **ambillah tanah.**” Itulah jawapan Tukku Paloh kepada wakil British, semasa berlaku perundingan antara pihak British dengan Tukku Paloh yang mewakili kerajaan Negeri Terengganu. Jawapan dalam bentuk **sindiran** itu yang diluahkan dengan **tenang tetapi tegas**, ternyata **menyakitkan hati wakil2** British itu. mereka bangun untuk beredar. Tetapi dengan kuasa Allah, **punggung mereka tidak semena2 terlekat di kerusi**. Apabila mereka mengangkat punggung, kerusi turut terangkat sama buat seketika sebelum jatuh ke lantai. Waktu itu Tukku Paloh bersuara secara bersahaja : “Sudahlah tuan2 hendak ambil tanah Terengganu, **kerusi rumah saya pun tuan2 hendak ambil?**.”Demikianlah gagalnya diplomasi British untuk menjajah Terengganu pada sekitar awal abad ke-20. **Taktik diplomasi** yang **berjaya** digunakan di beberapa negeri lain, gagal di negeri Terengganu kerana adanya **gandingan rapat antara ulama dan umarak** (pemerintah). Tegasnya antara Sayid Abdul Rahman Al Idrus atau Tukku Paloh dengan Sultan Zainal Abidin III, Sultan Terengganu ke-11 (**memerintah 1881-1918**).

Keturunan Rasulullah s.a.w

Dilahirkan pada **tahun 1817** [1236 Hijrah] di Kg. Cabang Tiga, Kuala Terengganu, Tukku Paloh adalah **nasab yang ke-32** daripada Rasulullah s.a.w. di kalangan keluarga **Al Idrus**. Nasab sebelah bapanya sampai kepada **Sayidina Hussein r.a.** anak Sayidatina Fatimah Az Zahrah r.ha. bt. Rasulullah.Ibunya, Hajah Aminah ialah isteri pertama daripada **beberapa orang isteri** Sayid Muhammad yang terkenal dengan gelaran Tukku Tuan Besar. Semasa pemerintahan Sultan Omar, Tukku Tuan besar menjadi Syeikhul Ulama iaitu ketua seluruh ulama Terengganu dan dianugerahkan gelaran Paduka Raja Indra oleh baginda Sultan. Kedua2 kedudukan itu menjadikan Tukku Tuan Besar sangat dihormati dan berpengaruh di kalangan istana dan rakyat keseluruhannya. Menurut cucunya Sayid Abdul Aziz, **sejak kecilnya** lagi sudah ada tanda2 pelik yang mengisyaratkan Tukku Paloh akan muncul menjadi **orang penting masyarakat**. Satu ketika semasa Tukku Paloh berada bersama ayahnya Tukku Tuan Besar, tiba2 saja **Tukku Paloh melihat seorang yang berserban dan berjubah hijau memanggilnya**. Tukku Tuan Besar menahannya seraya berkata, “Engkau jangan pergi dekat dengan orang itu, nanti kamu tidak boleh bersama abah lagi.”Perkataan Tukku tuan besar itu tidak begitu pasti apa maksudnya. Tetapi yang nyata, Tukku Tuan Besar

juga **seorang yang kasyaf** ; dapat melihat kemunculan seorang yang berserban dan berjubah hijau itu. Siapa orangnya? Wallahu a'lam.

Menuntut di Makkah, khalifah Tarekat

Tukku Paloh mendapat pendidikan awal daripada ayahnya sendiri dan beberapa orang ulama tempatan. Kemudian beliau mengikut jejak ayahnya mendalami ilmu dan meluaskan pengalaman di Makkah Al Mukarramah. Di sana beliau belajar dengan ulama2 Ahli Sunnah Wai Jamaah dan khatam banyak kitab muktabar dalam berbagai bidang ilmu tauhid, feqah, tasawuf, tafsir, nahu, saraf dan lain2. Bagaimana pun yang jelasnya, Tukku Paloh sangat arif tentang **ilmu tasawwuf dan ilmu tareqat**. Malah beliau ada mengarang kitab dan risalah mengenai **persoalan kerohanian**. Setelah lebih **10 tahun di Makkah**, Tukku Paloh pulang sebagai seorang ulama besar. Beliau seorang yang warak dan terkenal sebagai **pemimpin kerohanian** yang mengembangkan Tareqat Naqsyabandiah. Sepulangnya dari Makkah, Tukku Paloh terus mengajar di masjid peninggalan ayahnya di Kg. Cabang Tiga, Kuala Terengganu. Ini merupakan langkah awal beliau berkhidmat kepada orang ramai sebelum melangkah kepada kegiatan yang lebih mencabar, bukan saja dalam bidang pengajaran ilmu tetapi juga dalam bidang pentadbiran, pemerintahan dan **Jihadnya menentang mungkar dan penjajah British**.

Tokku Paloh adalah Regu Sultan Zainal Abidin III – Sultan yang berketurunan orang soleh kerana Sultan Zainal Abidin I berkahwin dengan anak Tok Pulau Manis, bermakna keturunan Kesultanan Terengganu sekarang bercampur darah ulama sufi / wali Allah tersebut.

Seperti juga ayahnya, Tukku Paloh seorang yang sangat berpengaruh di kalangan istana dan menjadi **tempat rujuk sultan**. Malah perlantikan sultan itu sendiri mempunyai kaitan rapat dengan pengaruh Tukku Paloh di kalangan istana, yang diwarisi daripada ayahnya Sayid Muhammmad bin Zainal Abidin yang terkenal dengan panggilan Tukku Tuan Besar, juga merupakan tokoh agama yang amat terkenal dan pengarang kepada lebih kurang **16 buah buku agama dan nazam**. Hubungan Tukku Paloh dengan Sultan ini boleh disamakan dengan hubungan antara Sultan Zainal Abidin I [memerintah 1725-1734] dengan seorang lagi ulama besar Terengganu, Syeikh Abdul Malik bin Abdullah. Ulama yang terkenal dengan gelaran **Tuk Pulau Manis** ini juga dikenali sebagai wali Allah dan banyak mengarang kitab. Sebagai Syeikh Ulama dan mufti, Tuk Pulau Manis amat berpengaruh di kalangan istana dan dikatakan bertanggungjawab atas **pertabalan Sultan Zainal Abidin I yang kemudian menjadi menantu beliau**. Menyedari peri pentingnya pemerintahan raja yang adil yang berlunaskan hukum2 Allah s.w.t. Tukku Paloh bersama Sayid Abdullah [menteri besar ketika itu] mengetuai sokongan terhadap perlantikan Tengku Zainal Abidin sebagai Sultan Terengganu menggantikan Sultan Ahmad Shah II [memerintah 1876-1881].

Sokongan dua orang yang berpengaruh ini sungguh berkesan sehingga Sultan Zainal Abidin kekal sebagai raja yang berjaya menegakkan pemerintahan yang kukuh dan bermaruah walaupun usianya ketika memegang tampuk pemerintahan negeri **baru 16 tahun**. Kejayaan baginda itu adalah berkat mendampingi serta menerima keputusan ulama. Baginda memerintah selama kira2 36 tahun 11 bulan hingga ke akhir hayatnya pada tahun 1918.



Kapal Armada British Senget!!

Rundingan pertama yang diadukan **berlangsung di atas armada British terpaksa** dibatalkan oleh British kerana dikatakan kapal armada itu **beberapa kali senget apabila Tukku Paloh menyengetkan serbannya**. Ini menakutkan wakil2 British yang menganggap kejadian itu satu **sihir atau silap mata**, sedangkan yang sebenarnya adalah karamah kurniaan Allah kepada Tukku Paloh. Ekoran itu, rundingan diadakan juga pada waktu lain dan kali ini di rumah Tukku Paloh. Untuk itu Tukku Paloh **meminjam beberapa buah kerusi** bagi meraikan orang putih yang tidak pandai duduk bersila itu. dengan duduk di atas kerusi, rundingan berjalan dengan panjang lebar dan antara lain wakil British memaklumkan bahawa pihaknya **ingin mendapatkan tanah Terengganu** dengan alasan membantu membangunkan dan memajukan negeri Terengganu. Dengan kata lain, dalam rundingan itu seolah2nya British hendak membantu memajukan Terengganu. Negeri Terengganu ketika itu berpenduduk sekitar 10,000 orang, kebanyakannya bekerja sebagai nelayan, tukang dan petani. Mereka diakui oleh Clifford sebagai **“orang Melayu yang paling pandai dan paling rajin di Semenanjung Tanah Melayu”**. Tukku Paloh mempunyai pandangan yang jauh dan dapat **membaca niat jahat** wakil British yang mahu menguasai negeri Terengganu dan seterusnya menjajah. Lalu dengan selamba Tukku menjawab segala kehendak wakil British itu dengan penuh sindiran tanpa sedikit pun **terpengaruh dengan ‘gula2’** yang diumpam oleh orang2 putih itu. Dalam pertemuan inilah berlakunya kerusi yang diduduki oleh wakil2 British itu **melekat seketika** di punggung mereka seperti telah diceritakan pada awal tulisan ini. Wakil2 British itu pulang dari rumah Tukku Paloh dengan hati yang **berang bercampur takut** akan kelebihan yang ada pada Tukku Paloh. Mereka gagal sama sekali untuk menguasai Terengganu menerusi diplomasi. Tidak berapa lama selepas itu, beberapa buah armada British datang lagi ke persisiran pantai Kuala Terengganu. Tanpa memberi sebarang amaran, **armada itu melepaskan tembakan meriam** dan senapang ke arah pantai dan mengarah ke udara. Serangan yang bertujuan **menggertak itu telah membunuh seekor kambing** di Padang Hiliran. Orang ramai menjadi gempar dan cemas dan sekali lagi Sultan Zainal Abidin **menyerahkan urusan ini kepada Tukku Paloh**. Lalu dengan tenang dan yakin Tukku Paloh dan bersama orang2 kanannya termasuk Haji Abdul Rahman Limbong, Syeikh Ibrahim dan Tuk Kelam serta pengikut2nya yang lain meronda sepanjang pantai. Operasi rondaan itu berjalan siang dan malam. Dikatakan ekoran dari itu, British tidak lagi membuat kacau dan semua armadanya berundur. Mengikut laporan angkatan perang British itu **nampak ‘beribu2’ pahlawan Terengganu lengkap dengan senjata bersiap sedia untuk melancarkan serangan balas**. Sebab itulah mereka cabut lari. Demikian kehebatan perjuangan Tukku Paloh yang mempunyai karamah menentang British berhabis-habisan. Beliau berpegang kepada falsafah: **Perjuangan tidak kenal hidup atau mati**. Dengan benteng iman dan takwa yang kukuh pada diri Tukku Paloh itu, pihak British gagal menjajah Terengganu sehinggalah beliau kembali ke rahmatullah pada tahun 1917, dan diikuti dengan kemangkatan Sultan Zainal Abidin III pada tahun berikutnya. Perginya ulama dan umara yang berganding bahu dalam pemerintahan...

Sembahyang berimamkan Nabi Khidir a.s

Sekurang2nya dua kali **Nabi Khidir a.s.** datang **berjemaah Subuh** di surau Tokku Paloh. Peristiwa pertama berlaku semasa Tukku Paloh tidak sembahyang berjemaah bersama dengan murid2nya. Para ahli jemaah mendapati ada **orang asing** yang **berserban jubah** menjadi imam pada pagi itu. selesai sembahyang, orang yang tidak dikenali itu **duduk bersandar di tiang hujung** di sebelah kanan balai itu sambil berwirid sebelum beliau pergi menghilangkan diri. Tukku Paloh tahu hal ini, lalu berkata kepada murid2nya, "Kamu tahu siapa yang menjadi imam tadi?" Masing2 diam dan Tukku Paloh terus berkata, "Beruntunglah kamu, yang menjadi imam itu tadi ialah **Nabi Khidir a.s.** Dapat pahala besarlah kamu." Kali kedua Nabi Khidir a.s. datang berjemaah Subuh di balai itu ketika Tukku Paloh menjadi imam.

Amalan Tareqat dan Syahadat Tukku

Selaku pembawa amalan Tareqat Naqsyabandiah, Tukku Paloh terkenal sebagai orang yang kuat mengamalkan zikir2 yang disusun oleh **Syeikh Bahauddin**, Syeikhul Tareqat Naqsyabandiah yang susur galurnya sampai kepada Sayidina Abu Bakar As Siddiq [makam Syeikh Bahauddin terdapat di Uzbekistan]. Begitu pula dengan amalan ibadah yang asas seperti sembahyang, puasa dan membaca Al Quran dan lain2 amalan sunat. Dengan kata lain Tukku Paloh sangat **warak dan berhalus dalam beribadah**. Selain mengamalkan zikir Tareqat Naqsyabandiah secara istiqamah, Tukku Paloh juga mengamalkan dan mengembangkan amalan yang disusun oleh ayahnya iaitu '**Syahadat Tukku**'. Amalan ini terus popular dan hingga kini masih diamalkan di banyak tempat di negeri Terengganu secara berjemaah dan bersendirian. Syahadat Tukku ini diwariskan kepada murid2nya. Pengikut kanan beliau Haji Abdul Rahman Limbong mengembangkan amalan ini kepada murid2 dan anak cucunya pula. Ini diakui oleh Pak Cik Ali Haji Yusof, cicit Haji Abdul Rahman Limbong. Beliau berkata, "Saya dapat mengamalkan syahadat ini semasa datuk [menantu Haji Abdul Rahman Limbong] dan ayah saya lagi." Menurut beliau, amalan itu masih kekal sebagaimana dilakukan pada zaman Haji Abdul Rahman Limbong iaitu bermula dengan **ratib Al Hadad** dan diakhiri dengan **Syahadat Tukku**, sekali-sekala **disusuli dengan burdah** pula.



Syahadat Tokku tulisan jawi & rumi

Syahadat Tukku dituduh SESAT!

Amalan Syahadat Tukku ini pernah menjadi kontroversi apabila salah seorang pembawa amalan ini dihadapkan ke mahkamah kerana **dituduh sesat**. Peristiwa ini berlaku kepada **Tuan Hj. Hussein Hj. Mat** yang mengembangkan amalan ini di Kampung Gong Ubi Keling, Besut di mana dalam masa yang singkat saja sudah meriah dengan ramai pengikut. Tuan Hj. Hussein tidak menolak kemungkinan tidakan yang dikenakan ke atas dirinya itu didorong oleh **iri hati dan hasad dengki** orang2 tertentu kerana surau yang baru beliau bangunkan lebih meriah berbanding dengan surau2 lain. Mereka **mendesak pihak berkuasa** mengambil tindakan ke atas beliau atas **alasan yang batil dan fitnah**. Mengenang peristiwa pahit yang berlaku pada sekitar **tahun1950** itu, Hj. Hussein bercerita : "Hampir seribu orang yang berada di Mahkamah Kadhi Besut untuk mendengar keputusan perbicaraan saya yang **dituduh sesat** kerana mengamalkan Syahadat Tukku ini." Orang ramai nampak cemas kerana peristiwa ini besar dan kali pertama berlaku di Besut. Menurut Hj. Hussein sewaktu

perbicaraan, beliau **disuruh membaca segala amalan yang diamalkannya selama ini.** “Saya pun membaca habis satu persatu bermula dengan ratib Al Hadad, Burdah dan akhirnya Syahadat Tukku. Selesai saya membaca semuanya, Hakim Cik Awing yang juga Kadhi Besut itu berkata ; **‘Apa yang Tuan Hj. baca itu ada pada saya.’**”Rupa2nya Tuan Hakim Cik Awing juga mengamalkan ratib Al Hadad dan Syahadat Tukku. “Kemudian saya dibebaskan tanpa sebarang tindakan yang dikenakan malah nampaknya tuan hakim itu pula yang seolah2nya mengamalkan amalan ini diteruskan. Mendengarkan keputusan yang benar itu maka orang ramai di luar mahkamah turut bersyukur dan ada yang **menitiskan air mata gembira,**” cerita Hj. Hussein lagi. Sehingga kini Hj. Hussein terus mengamalkan Syahadat Tukku bersama2 sahabat2nya, amalan pada setengah **orang jahil dikatakan ‘syahadat tambahan’.** Syahadat Tukku yang disusun oleh wali Allah itu terus popular di kalangan orang yang arif di banyak tempat dalam negeri Terengganu. Amalan yang menjelaskan unsur2 tauhid dan pembersihan hati yang amat diperlukan oleh seorang hamba terhadap Tuhannya, ALLAH SWT.